



JELAS...Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah ketika menjawab soalan dalam sidang akhbar terakhir selaku Perdana Menteri.

LEGA DAPAT SUAMI SEMULA

Selepas pinjamkan kepada negara, rakyat selama 22 tahun — Siti Hasmah

HM 1/11/2003 - 9 PRECISE

Oleh Noor Sham Saleh
noorsham@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: "Saya rasa agak lega kerana negara dan rakyat sudah beri balik suami saya," kata Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengenai persaraan suaminya, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Dr Siti Hasmah turut hadir pada sidang media terakhir Dr Mahathir sebagai Perdana

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, jam 12.20 tengah hari semalam.

Beliau berkata, Dr Mahathir 'dipinjamkan' beliau kepada rakyat Malaysia selama 22 tahun.

"Sekarang beliau boleh bersama keluarga lebih kerap berbanding sebelum ini," katanya.

Malah hari ini iaitu sehari selepas bersara, Dr Mahathir dan isteri berlepas ke luar ne-

gara.

Sikap kuat bekerja Dr Mahathir memang diketahui umum dan Dr Siti Hasmah dalam banyak temuramah sebelum ini kerap kali menyatakan suaminya tidak banyak menghabiskan masa dengan keluarga.

Ketika ditanya mengenai sikap tenang Dr Mahathir berhadapan dengan pelbagai cabaran besar, Dr Siti Hasmah berkata, suaminya memang dianugerah dengan sifat tenang.

Bagaimanapun katanya, terdapat beberapa perkara penting membabitkan keluarga yang sepatutnya diberitahu segera tetapi beliau melihat keadaan Dr Mahathir terlebih dulu.

"Ada perkara yang sepatutnya saya beritahu tetapi saya tengok keadaan beliau dulu," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata, pernah terjadi anak lelaki bongsonya kemalangan tetapi beliau tidak memberitahu Dr Mahathir segera kerana bimbang menambahkan lagi beban suami.

"Suami saya di Parlimen dan memang banyak masalah ketika itu dan saya tidak memberitahu segera kerana tahu beliau memang banyak masalah," katanya.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah berkata, beliau sudah memaklumkan kepada semua pertubuhan antarabangsa yang dinaungi beliau mengenai persaraan suami.

Sehari 10 kata

1) CENGE
a. garang
b. cekap
c. petah

2) PENDADUK
a. penjaja
b. pedagang
c. peminta sedekah

3) ENTE
a. kami
b. engkau
c. dia

4) GAJAK
a. sikap
b. amaran
c. perubahan

5) GHOBAR
a. gelisah
b. ceria
c. sedih

6) HANYAR
a. berdebu
b. berselerak
c. berputar

7) CHALLENGE
a. cabaran
b. teguran
c. pengalaman

8) EXPENSIVE
a. istimewa
b. murah
c. mahal

9) HANYUT
a. driftwood
b. impenetrable
c. bravery

10) WABAK
a. ward
b. epidemic
c. lineament

1) CENGE - a. garang, bengis
2) PENDADUK - c. peminta sedekah, mengemis
3) ENTE - b. engkau
4) GAJAK - a. sikap, ungkaha laku, gerak geri
5) GHOBAR - c. sedih, pilu
6) HANYAR - b. berselerak
7) CHALLENGE - a. cabaran
8) EXPENSIVE - c. mahal
9) HANYUT - a. driftwood
10) WABAK - b. epidemic